

**SPR: Calon Gagal Kemuka Jumlah Perbelanjaan Tidak Layak Bertanding PRU Akan Datang**  
**Bernama**  
**1 Ogos, 2012**

KUCHING, 1 Ogos (Bernama) -- Parti-parti politik diingatkan bahawa calon pada pilihan raya negeri Sarawak tahun lepas akan lucut kelayakan untuk bertanding pada pilihan raya Parlimen akan datang di negeri ini jika mereka gagal mengemukakan jumlah perbelanjaan pilihan raya mereka kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Timbalan Pengerusi SPR Datuk Wan Ahmad Wan Omar Rabu berkata adalah menjadi tanggungjawab parti-parti politik untuk memeriksa perkara itu dengan SPR untuk mengelak mencalonkan atau memilih seseorang yang tidak layak sepertimana ketetapan dalam Akta Kesalahan-Kesalahan Pilihan Raya.

"Sekarang ini, kita (SPR) mahu maklumkan kepada orang ramai terlebih dahulu bahawa jika seseorang itu gagal mengemukakan jumlah perbelanjaan itu, dengan itu mereka tahu akan akibatnya," katanya kepada pemberita selepas memberikan taklimat kepada pemimpin parti-parti politik dan wakil media mengenai Pilihan Raya Umum Ke-13, yang boleh diadakan bila-bila masa antara sekarang sehingga Jun tahun depan.

Turut hadir Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dan beberapa anggota SPR.

Mengenai pelantikan badan bukan kerajaan (NGO) untuk memantau bagi memastikan kelancaran pilihan raya umum akan datang, katanya sembilan NGO di Sarawak -- empat daripadanya di Miri, tiga di Kuching dan dua di Sibu -- telah dikenal pasti kerana mereka memenuhi syarat SPR iaitu tidak memihak kepada mana-mana parti dalam menjalankan kerja mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684914>





